

21/02/2001

Jangan biarkan tapik dan simpai bersengketa

Maarop Md Noh

PEPATAH dan peribahasa Melayu mempunyai nilai intelektual paling tinggi serta mengandungi kejituan budaya berfikir bangsa Melayu zaman-berzaman. Paling penting, pepatah dan peribahasa digunakan oleh generasi tua sebagai warisan dan khazanah ilmu dalam kepek minda mereka.

Justeru, pepatah dan peribahasa tidak dilafazkan sebagai pengucapan harian. Ia hanya digunakan apabila berlaku sesuatu peristiwa yang menuntut keperluan penyelesaian intelektual yang tinggi.

Lebih tepat lagi, pepatah dan peribahasa digunakan untuk menyelesaikan masalah paling rumit. Misalnya, apabila berlaku perpecahan dalam masyarakat atau keluarga, peribahasa 'biduk lalu kiambang bertaut' dan 'carik-carik bulu ayam, diraup bercantum jua' atau 'air dicincang tidak akan putus' akan digunakan.

Ketiga-tiga peribahasa ini mempunyai nilai intelektual yang cukup tinggi. Apabila dianalisis, ia akan menimbulkan kesedaran baru kepada pengamal dan generasi berikutnya.

Biasanya mereka yang memahami peribahasa itu akan segera memuhasabah diri dan mencari segala kelemahan untuk diperbaiki. Mereka yang berbudaya ilmu tidak akan membiarkan perpecahan atau persengketaan berlarutan.

Bagi bangsa Melayu, perkara itu perlu dielakkan kerana sebagai bangsa bertamadun, perpecahan bukanlah lambang kemegahan, sebaliknya menandakan bermulanya kehancuran.

Peristiwa penaklukan Melaka pada 1511 adalah contoh terbaik untuk dipelajari bagi mengelakkan bangsa Melayu berpecah. Begitu juga kejatuhan beberapa pemimpin Melayu di Asia, seperti Presiden Suharto, B J Habibie, dan Joseph Estrada.

Bendahara Melayu yang terkenal pada kurun ke-15, Tun Mutahir, sentiasa mengingatkan anak buahnya supaya jangan membiarkan 'tapik dan simpai bersengketa, nanti parang makan diri'.

Peribahasa 'tapik dan simpai bersengketa' juga mempunyai falsafah intelektual yang cukup tinggi. Bagaimanapun, peribahasa ini sudah mula dilupai masyarakat.

Mungkin tidak berlebihan ada antara masyarakat moden kini tidak pernah mendengar peribahasa ini. Tetapi, dalam wadah intelektual Melayu, ia mempunyai konotasi politik, budaya, ekonomi dan pendidikan yang tinggi.

Tun Mutahir sudah berasakan ada sesuatu yang akan berlaku dalam Kerajaan Melaka ketika itu. Kerana itu, sebelum menghembuskan nafasnya yang akhir, beliau menasihatkan semua anak dan keturunannya supaya memelihara tapik masing-masing.

Kepada generasi tua, parang tapik adalah alat penting kehidupan. Selain senjata, ia juga penyambung anggota empat kerat untuk mencari rezeki.

Berlainan dengan keris, parang tapik mesti mempunyai sarung yang disimpan (dijalin) dengan rotan atau mampulur resam. Simpai digunakan untuk menjadikan sarung parang itu melekat kejab dan sarung parang yang kejab dapat menjinakkan parang supaya tidak membahayakan pemakainya.

Keris juga mempunyai sarung, tetapi keris jarang disimpan kerana bentuknya yang berlainan daripada parang tapik. Selain itu, parang boleh digunakan untuk menetak, menebang selain menikam, menyembelih, tetapi keris hanya digunakan untuk menikam saja.

Ertinya keris adalah senjata sefungsi dan parang tapik pula mempunyai pelbagai fungsi.

Dalam keadaan politik sekarang, peribahasa usah biar 'tapik dan simpai

bersengketa' menepati keperluan pembinaan bangsa Malaysia yang tulen. Ini penting kerana apabila tapik dan simpai bersengketa, parang yang tajam sudah pasti membahayakan penggunaanya.

Apabila diterjemahkan kepada senario politik, sarung tapik adalah bangsa Melayu, manakala simpai adalah kekuatan persaudaraan dan parang tajam itu adalah kuasa.

Kepada pemikir atau intelektual politik Melayu kini, perkara ini perlu diperhati dan dihayati sedalam mungkin. Bangsa Melayu yang menjadi teras kekuatan politik negara tidak mampu lagi bercakaran sesama sendiri.

Peristiwa 13 Mei 1969 sepatutnya sudah mendidik bangsa Melayu supaya matang dan bersatu. Peristiwa berdarah itu nyaris menyebabkan bangsa Melayu kehilangan identiti dan Islam terhakis di bumi Malaysia.

Pilihan raya 1999 juga memperlihatkan wujud kembali perpecahan di kalangan masyarakat Melayu. Selain Pas dan Parti Rakyat Malaysia, penubuhan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menambah satu lagi usaha mematahkan jari-jemari politik Melayu.

Jika dilihat dari sudut senario berpolitik, semakin banyak parti politik, semakin rancak persaingan dan semakin tinggi intrik yang digunakan. Ia dianggap menyuburkan kebebasan bersuara dan demokrasi.

Tetapi dalam realiti kehidupan, semakin banyak parti bercambah, semakin parah kehancuran yang dialami. Di sinilah bermulanya ketidakjujuran dan ketempangan berfikir masyarakat. Mereka yang menyokong parti masing-masing hanya memandang parti mereka saja sebagai yang terbaik.

Perkara inilah yang cuba dielakkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, apabila beliau menawarkan pertemuan perpaduan Melayu dan mengajak Pas serta Keadilan duduk semeja berunding.

Ertinya, Dr Mahathir mempraktikkan peribahasa 'usah biarkan tapik dan simpai bersengketa, nanti parang memakan diri' ke dalam senario politik di Malaysia dan peribahasa ini bukan suatu omong kosong atau retorika politik hambar, sebaliknya ia adalah inti tamadun ilmu.

Dr Mahathir nampak dengan jelas perpecahan bangsa Melayu tidak akan menguntungkan bangsa itu sendiri. Sebaliknya, bangsa yang berpecah akan menyebabkan pemerintahan yang kini ditunjangi bangsa Melayu, menirus dan ketika itu, 'parang akan memakan diri'.

Parang di sini bererti kuasa yang ada pada tangan orang Melayu sekarang akan tergugat dan keadaan begitu memang ditunggu oleh penyangak politik luar negara yang memang ingin menghancurkan negara.

Mereka pernah cuba menghancurkan ekonomi negara pada 1997, tetapi dengan kebijaksanaan Dr Mahathir, Malaysia terselamat daripada bencana itu.

Seperti yang dijelaskan lebih awal, bangsa Melayu sepatutnya menjadikan 13 Mei 1969 sebagai pengajaran pahit politik Melayu, tetapi nampaknya pilihan raya 1999 menunjukkan keadaan sebaliknya.

Memang pada hakikatnya, Umno, Pas dan Keadilan adalah parti Melayu. Mereka berbeza dari segi ideologi dan pendekatan. Umno misalnya mewar-warkan perpaduan dan pembangunan bangsa dan negara berteraskan Islam, Pas menjadikan Islam sebagai teras tunggal perjuangan dan Keadilan berjuang untuk keadilan.

Semua konsep dan falsafah ketiga-tiga parti Melayu itu boleh diibaratkan parang tapik bersimpai rotan atau mempulur resam. Jika salah satu binasa, tapik tidak sekemas yang diharapkan dan mata parang akan mengganas.

Perpaduan bangsa adalah tuntutan utama keutuhan negara. Ia juga dituntut oleh Islam (rujuk ayat al-Quran, ayat 103-105, Surah Ali Imran).

Mereka yang suka melihat perpecahan adalah pengkhianat negara di Malaysia, bangsa Melayu adalah simbiotik dengan Islam atau seperti isi dengan kuku. Apabila kuku cuba dicabut daripada isinya, yang menderita ialah jari di tangan.

Kerana itu, jika perpecahan sengaja dicari, bererti bangsa Melayu

mengundang padah yang akan meranapkan bukan saja generasi sekarang, malah generasi penerus.

Kerana itu, pertemuan Umno-Pas untuk membincangkan perpaduan Melayu yang tertanggung, kita anggap sebagai langkah terkebelakang. Sepatutnya pertemuan itu disegerakan supaya unsur luar yang ingin melihat 'Melayu hilang di dunia' dapat disekat.

Ada pendapat menyatakan perjuangan menggunakan bangsa adalah asabiah. Tetapi, mereka yang peka sejarah sudah pasti menolak pandangan sempit itu.

Agama Islam sendiri, misalnya, walaupun ia agama universal, diturunkan menerusi bangsa Arab. Malah al-Quran terus kekal dalam bahasa Arab. Ia tidak boleh dipindahkan ke dalam bahasa lain di dunia.

Firman Allah bermaksud: "Sesungguhnya Kami turunkan al-Quran itu dalam bahasa Arab mudah-mudahan kamu berfikir." (Surah Yusuf: 2, rujuk juga Surah ar-Ra'd: 37, at-Taaha: 113, az-Zumar: 28, Fussilat: 3, as-Syuura: 7, az-Zukhruf: 3 dan al-Ahqaaf: 12)

Rasulullah saw juga bersabda, maksudnya: "Bacalah al-Quran dengan bentuk suara dan lagu (lahjah) Arab dan janganlah kamu meniru lagu orang fasik dan lagu gereja atau ahli kitab." (Riwayat at-Tabarani dan al-Baihaqi).

Dengan mengkaji ayat al-Quran dan hadis, jelas Islam itu bermula daripada kelompok bangsa, kemudian membesar menjadi universal apabila umat yang dibentuk oleh Islam dan al-Quran itu kuat dan bermaruah.

Tamadun yang disuburkan Islam dan al-Quran di tanah Arab pada 610 Masehi diterima sebagai tamadun dunia dan keganasan jahiliah bangsa Arab runtuh dengan sendirinya.

Dalam hubungan Umno dan Pas, ada percanggahan yang cukup mudah diperbaiki. Kedua-dua parti itu adalah parti Melayu yang apabila disemejakan akan tetap minum air menggunakan cangkir berlapis piring dan menikmati juadah kuih lapis, kaswi atau karipap.

Ringkasnya, bangsa Melayu itu tetap bersatu. Peribahasa Melayu tua ada menyatakan: "Berlapik berlantai, bentang tikar di tengah balai. Carilah seorang cerdik, seorang pandai, seorang juara di tengah balai."

Jika selepas 13 Mei 1969, bangsa Melayu bersatu kukuh hingga melahirkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mengangkat martabat ekonomi, politik, kebudayaan, sosial dan pendidikan Melayu, adalah mustahil dalam keadaan ilmu pengetahuan yang sudah begitu subur sekarang keadaan itu tidak boleh berulang lagi.

Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, membentang tikar di tengah balai, Datuk Asri Muda yang ketika itu Yang Dipertua Pas pula memartabatkan juara di tengah balai. Apakah peristiwa bersejarah itu tidak boleh diulang?

Di sini, timbul beberapa persoalan, terutama syarat yang diajukan Pas, sepatutnya tidak boleh merencatkan pertemuan itu.

Antara syarat Pas ialah mengembalikan royalti minyak (wang ihsan) Kerajaan Persekutuan kepada Terengganu, membenarkan penerbitan Harakah, iaitu lidah rasmi Pas dua kali seminggu dan meminta kerajaan menolak cadangan Umno supaya melarang penggunaan perkataan Islam dalam nama parti politik.

Syarat terbabit tidak seharusnya menjadi agenda pertemuan itu, jauh sekali daripada menjadi perencat pertemuan itu. Ini kerana syarat itu hanya berbentuk teknikal dan bukannya menjadi inti pati perpaduan yang sedang diusahakan itu.

Semua syarat Pas itu boleh diurus sebaik kemesraan sudah dijalin. Di sinilah letaknya nanti 'carik-carik bulu ayam apabila diraup bercantum juga'.

Tetapi, jika pertemuan Umno-Pas itu dilewatkan dengan pelbagai syarat, sudah pasti kebimbangan Tun Mutahir 'apabila tapik dan simpai bersengketa, mata parang memakan diri' pada kurun ke-15 akan menjadi kenyataan.

Hubayalah bangsaku.

(END)